

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans Miscellaneous (Misc) Combo anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1

Apa itu Insurans Miscellaneous (Misc) Combo?

Insurans Miscellaneous (Misc) Combo melindungi kerugian atau kerosakan kepada harta anda yang diinsuranskan di bawah manfaat-manfaat seperti Pecah Masuk, Wang, Kaca, Jaminan Setia, dan Jentera dan Peralatan, dan liabiliti anda kepada pihak ketiga dari segi undang-undang di bawah manfaat Liabiliti Awam. Tiada perlindungan kebakaran dalam produk ini.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM2,358.49 setahun, anda menerima **perlindungan** berikut di bawah Plan 1:

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
- Seksyen 1 – Pecah Masuk - Kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan akibat kecurian atau rompakan - Seksyen 2 – Wang - Kerugian atau kerosakan kepada wang (contohnya tunai atau cek) dalam keadaan yang dinyatakan dalam jadual polisi - Seksyen 3 – Kaca - Kerugian atau kerosakan kepada kaca - Seksyen 4 – Jaminan Setia - Kerugian kewangan langsung yang dialami sebagai majikan akibat sebarang Tindakan penipuan atau ketidakjujuran perkerja anda - Seksyen 5 – Jentera Dan Peralatan - Kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan akibat kecurian atau kerosakan luaran yang tidak sengaja - Seksyen 6 – Liabiliti Awam - Jumlah yang anda bertanggungjawab secara sah untuk membayar sebagai ganti rugi bagi (i) kecederaan badan pihak ketiga, atau (ii) kerosakan pada harta pihak ketiga, akibat kemalangan atau disebabkan seperti yang dinyatakan dalam jadual polisi Had/Jumlah Diinsuranskan untuk Seksyen 1 hingga 5 adalah secara terapung (maksudnya, jumlah diinsuranskan adalah dikongsikan) dan dalam agregat.	Kerugian atau kerosakan akibat atau yang berpunca dari berikut: - Peperangan, perang saudara dan apa-apa tindakan keganasan - Keradioaktifan dan risiko tenaga nuklear - Pengenalpastian tarikh - Kerosakan harta kepada data atau perisian
Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.	
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans Miscellaneous (Misc) Combo kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
www.allianz.com.my/misccombo-ins



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans polisi ini, anda mesti membayar premium:	
Jumlah premium yang perlu anda bayar ialah	RM2,358.49 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium atau RM589.62
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM188.68
<i>Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.</i>	

4 Maklumat Penting Yang Anda Patut Tahu

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatat, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Anda harus mengambil segala langkah pencegahan yang munasabah untuk menjaga keselamatan harta yang diinsurankan.
- Anda mesti memberitahu ejen insurans anda atau kami secara bertulis jika terdapat apa-apa perubahan penting semasa tempoh insurans supaya perubahan yang sepatutnya boleh diendok ke atas polisi anda.
- Warranti Premium –Premium mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi. Jika tidak, polisi ini akan terbatat secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata enam puluh (60) hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis empat belas (14) hari kepada Allianz. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium yang dikira berdasarkan kadar tempoh singkat kami bagi tempoh polisi telah berkuatkuasa.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2026.